



SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH & PASCASISWAZAH  
KAMPUS BANGI DAN KUALA LUMPUR  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(KECUALI KOLEJ TUN DR. ISMAIL, HCTM)

Saudara/i,

PEKELILING PUSAT PERUMAHAN PELAJAR BIL 1/2024

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa cuti Semester 1 Sesi 2023/2024 akan bermula 12 Februari 2024.

1.0 A) PENGESAHAN PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 2 SESI 2023/2024

Pelajar yang berjaya mendapat penginapan Semester 1 Sesi 2023/2024 diminta untuk membuat pengesahan kolej bagi Semester 2 Sesi 2023/2024 seperti tarikh berikut:

Tarikh	URL
17 – 23 Januari 2024	<a href="https://appsmu.ukm.my/ekolej">https://appsmu.ukm.my/ekolej</a>

\* Mana-mana pelajar yang tidak membuat pengesahan penginapan bagi Semester 2 Sesi 2023/2024 dianggap tidak berminat untuk tinggal di kolej dan bilik tersebut akan dibuka kepada pelajar kategori rayuan dan permohonan baharu.

\* Pelajar tidak dibenarkan untuk meletakkan barang di dalam bilik sepanjang cuti semester Sesi 2023/2024 bagi memberi laluan penginapan kepada program universiti. Pelajar boleh meletakkan barang di stor yang akan disediakan oleh pihak pentadbiran kolej.

B) PERMOHONAN BAHARU PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 2 SESI 2023/2024

Bagi pelajar Prasiswazah yang tidak berjaya mendapat penginapan bagi Semester 1 Sesi 2023/2024 dan pelajar Pascasiswazah baharu Sesi 2023/2024, permohonan penginapan boleh dibuat pada tarikh berikut:

Tarikh	URL
25 – 30 Januari 2024	<a href="https://appsmu.ukm.my/ekolej">https://appsmu.ukm.my/ekolej</a>

\* Keputusan permohonan penginapan tertakluk kepada kekosongan kolej kediaman.

Bagi pelajar yang tidak berjaya mendapat penginapan, rayuan penginapan boleh dibuat seperti berikut:

Tarikh	URL
17 – 21 Februari 2024	<a href="https://appsmu.ukm.my/rayuankolej">https://appsmu.ukm.my/rayuankolej</a>

\* Hanya pelajar yang membuat permohonan kolej sahaja dibenarkan untuk membuat rayuan. Keputusan rayuan kolej tertakluk kepada kekosongan kolej.

## 2.0 PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ SEMESTER 1 SESI 2023/2024 DAN PERATURAN PENGOSONGAN BILIK SERTA PENYIMPANAN BARANG

Saudara/i adalah diminta untuk membuat pendaftaran keluar kolej Semester 1 Sesi 2023/2024 sebelum atau pada 11 Februari 2024.

Perkara	Tarikh Akhir
Pendaftaran Keluar Kolej Semester 1 Sesi 2023/2024	11 Februari 2024

2.1 Berikut adalah peraturan pengosongan bilik dan penyimpanan barang:

2.1.1 Tarikh akhir mengosongkan bilik dan pemulangan kunci di kolej kediaman:

Tarikh	Masa
11 Februari 2024	8.30 pagi – 4.30 petang

- 2.1.2 Kehilangan kunci akan didenda sebanyak RM20.00.
- 2.1.3 Bilik hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih dan dikunci. Pastikan suis lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan bilik.
- 2.1.4 Denda akan dikenakan jika didapati bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor atau lampu/ kipas tidak dimatikan.
- 2.1.5 Sebarang kerosakan perabot atau perkakas bilik yang rosak akibat daripada kecuaiannya saudara/i akan dikenakan caj ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan.
- 2.1.6 Pentadbiran kolej akan menyediakan stor penyimpanan barang.
- 2.1.7 Berikut adalah jadual penyimpanan barang:

Tarikh	Masa
29 Januari – 9 Februari 2024	8.30 pagi – 4.30 petang

- 2.1.8 Dokumen-dokumen penting seperti sijil, kad pengenalan, kad kolej, kad matrik, barang-barang kemas dan lain-lain barang berharga tidak dibenarkan disimpan di dalam stor.
- 2.1.9 Pihak pentadbiran kolej tidak akan bertanggungjawab di atas keselamatan barang-barang yang disimpan.
- 2.1.10 Saudara/i adalah dilarang menyimpan barang di dalam bilik kuasa elektrik, bilik basuh, surau, bilik pili bomba, bilik aktiviti pelajar dan lain-lain ruang yang tidak dibenarkan oleh pihak pentadbiran kolej.
- 2.1.11 Sebarang permintaan untuk membuka stor semasa cuti semester tidak akan dilayan. Berikut adalah jadual pengambilan barang di stor:

Tarikh	Masa
10 – 22 Mac 2024	8.30 pagi – 4.30 petang

### PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel. : +603-8921 4367 Web : <https://www.ukm.my/perumahan/> E-mel : pghperumahan@ukm.edu.my

2.1.12 Barang yang tidak diambil dalam jangka masa yang ditetapkan akan dianggap tidak berguna dan akan dilupuskan.

### 3.0 PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR SEMESTER 1 SESI 2023/2024 DAN PENDAFTARAN MASUK/ KELUAR LUAR SEMESTER 1 SESI 2023/2024

Bagi pelajar yang memohon menginap di kolej untuk cuti luar semester 1, permohonan penginapan boleh dibuat seperti berikut:

Tarikh	URL
24 – 30 Januari 2024	<a href="https://appsmu.ukm.my/ekolej">https://appsmu.ukm.my/ekolej</a>

Butiran pendaftaran **cuti luar semester 1** adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh	Masa
Pendaftaran Masuk	12 – 14 Februari 2024	8.30 pagi – 4.30 petang
Pendaftaran Keluar	10 Mac 2024	8.30 pagi – 4.30 petang

### 4.0 PENDAFTARAN MASUK PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH SEMESTER 2 SESI 2023/2024

Bagi pelajar yang telah membuat pengesahan dan mendapat tawaran kolej bagi Semester 2 Sesi 2023/2024, butiran Pendaftaran Masuk Semester 2 Sesi 2023/2024 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
10 – 12 Mac 2024	8.30 pagi – 4.30 petang

Mohon saudara/i memaklumkan kepada pejabat pengurusan kolej kediaman sekiranya tidak dapat mendaftar masuk pada tarikh yang telah ditetapkan. Sekiranya saudara/i tidak mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah, tempat saudara/i akan ditawarkan kepada pelajar rayuan. Semua kelulusan rayuan kolej adalah tertakluk kepada kekosongan.

Kerjasama yang saudara/i berikan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



**MOHD FIRDAUS YAHAYA**

Pengarah  
Pusat Perumahan Pelajar

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar
  - Pengetua Kolej Kediaman
  - Ketua Pentadbiran Kolej Kediaman

#### PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Aras 4, Bangunan Pusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4367 Web: <https://www.ukm.my/perumahan/> E-mel: [pghperumahan@ukm.edu.my](mailto:pghperumahan@ukm.edu.my)